

Pembentukan Karakter Murid Melalui Penggunaan Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan Empat Dalam Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC)

Formation of Student Character through the Use of the form Four Moral Education Textbook in the Learning and Facilitation Process (PDPC)

**Mohamed Hilmie Mohd Mokhtar, Maizura Yasin, Marzni
Mohamed Mokhtar**

Department of Language and Humanities Education, Faculty of Educational Studies,
Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia
Emel: y_maizura@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i12/24263>

DOI:10.6007/IJARBSS/v14-i12/24263

Published Date: 21 December 2024

Abstrak

Buku teks memainkan peranan penting dalam penerapan nilai-nilai murni kepada murid, terutamanya di peringkat sekolah. Sebagai bahan rujukan utama dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan, buku teks mengandungi kandungan yang dirancang dengan teliti untuk mengintegrasikan nilai-nilai murni dalam setiap subjek. Nilai-nilai seperti hormat-menghormati, kejujuran, tanggungjawab, dan tolong-menolong dimasukkan melalui kandungan teks, ilustrasi serta aktiviti dan latihan yang diberikan kepada murid. Buku teks juga dilihat membantu guru dalam merancang pengajaran yang berkait dengan situasi harian murid seterusnya nilai-nilai murni dapat diterapkan secara kontekstual dan dipraktikkan dalam kehidupan sebenar. Kertas konsep ini juga meneroka literatur tentang sejauhmana penggunaan Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan Empat dalam proses PdPc berupaya membina karakter murid yang unggul bertepatan dengan matlamat kurikulum Pendidikan Moral iaitu insan berakhhlak mulia. Selain itu, buku teks juga merupakan bahan utama dalam PdPc Pendidikan Moral kerana berfungsi sebagai medium untuk menggalakkan murid mengamalkan penaakulan, emosi, dan tindakan yang bermoral selaras dengan peraturan dan undang-undang. Melalui kandungan yang disusun secara sistematik, buku teks memperkenalkan murid kepada konsep-konsep moral seperti keadilan, kejujuran,

tanggungjawab dan empati. Di samping itu, buku teks juga menyentuh aspek emosi dengan membantu murid memahami perasaan orang lain dalam situasi tertentu, lantas mendorong mereka untuk bertindak dengan rasional. Kesedaran tentang undang-undang dan peraturan juga dijelaskan bagi menanamkan kepatuhan terhadap norma masyarakat dan peraturan negara seterusnya membantu murid bukan sahaja memahami prinsip-prinsip moral tetapi juga mengamalkannya dalam kehidupan harian mereka. Justeru, Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan Empat bukan sahaja menjadi sumber ilmu tetapi juga panduan yang praktikal untuk membentuk karakter murid yang unggul dan berakhlaq mulia.

Katakunci: Buku Teks, Pendidikan Moral, Pembelajaran dan Pemudahcaraan, Karakter

Abstract

Textbooks play an essential role in instilling noble values in students, especially at the school level. As the primary reference material in the teaching and learning process, textbooks are carefully designed to integrate moral values into each subject. Values such as respect, honesty, responsibility, and cooperation are embedded through textual content, illustrations, as well as activities and exercises provided to students. Textbooks also assist teachers in planning lessons that relate to students' daily lives, allowing moral values to be applied contextually and practiced in real-life situations. This concept paper also explores literature on the extent to which the use of the Form Four Moral Education textbook in the teaching and learning process (PdPc) can build exemplary student character, aligning with the Moral Education curriculum's goal of nurturing morally upright individuals. Furthermore, textbooks also serve as a primary resource in Moral Education PdPc, functioning as a medium to encourage students to engage in moral reasoning, emotions, and actions consistent with rules and laws. Through systematically arranged content, textbooks introduce students to moral concepts such as justice, honesty, responsibility, and empathy. In addition, textbooks address the emotional aspect by helping students understand others' feelings in specific situations, encouraging them to act rationally. Awareness of laws and regulations is also explained to instill adherence to societal norms and national rules, thereby fostering students not only to understand moral principles but also to practice them in their daily lives. Thus, the Form Four Moral Education textbook serves not only as a source of knowledge but also as a practical guide to shaping exemplary and morally sound student character.

Keywords: Textbook, Moral Education, Teaching and Learning, Character

Pengenalan

Pembentukan karakter murid dalam mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu aspek yang sangat penting dalam membina generasi yang beretika dan bertanggungjawab. Buku teks Pendidikan Moral Tingkatan Empat (BTPMT4) berperanan sebagai sumber rujukan utama dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk memupuk nilai-nilai moral yang kukuh. Buku teks menyokong pembentukan karakter murid dengan mengintegrasikan nilai-nilai murni seperti empati, tanggungjawab, dan keadilan melalui aktiviti perbincangan, main peranan, dan refleksi kendiri. Ia membantu murid menghubungkan nilai moral dengan situasi sebenar, membentuk individu yang seimbang dan bermoral selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Azhar, 2021). Sulaiman (2020), menyatakan bahawa dalam konteks Pendidikan Moral, buku teks menyediakan garis panduan yang jelas kepada guru dalam merancang aktiviti pembelajaran yang dapat menyemai sikap positif, seperti integriti, kejujuran, dan tanggungjawab dalam kalangan murid. Lim (2020), menyatakan bahawa buku teks turut membantu guru mengintegrasikan nilai moral dengan situasi kehidupan sebenar

yang mana murid didedahkan kepada pelbagai situasi dan dilema moral untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang konsep moral dan etika. Buku teks bukan sahaja meningkatkan pemahaman murid tetapi juga membentuk karakter melalui nilai murni dengan elemen tempatan, memupuk identiti budaya serta melahirkan modal insan bertaraf tinggi yang berpengetahuan dan berkarakter (Mazlini et al., 2023). Anuar (2019), menyatakan bahawa penggunaan buku teks secara efektif dapat membentuk karakter murid dengan lebih baik apabila guru menggunakan pendekatan yang sesuai seperti pembelajaran berasaskan projek atau aktiviti kumpulan yang menggalakkan interaksi sosial dan kerjasama antara murid. Buku teks juga menyediakan pelbagai aktiviti dan soalan yang merangsang pemikiran kritikal murid, seterusnya membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan moral dalam konteks dunia sebenar sekali gus membantu dalam proses pembentukan karakter yang berteraskan nilai moral yang tinggi (Hassan & Zainuddin, 2018). Oleh itu, melalui penggunaan yang optimum dan bimbingan yang tepat daripada guru, buku teks Pendidikan Moral Tingkatan Empat bukan hanya menjadi bahan pengajaran, tetapi juga bahan penting dalam membina murid yang berkarakter dan mampu menghadapi cabaran pada masa hadapan (Mustafa & Kamaruddin, 2021).

Objektif**Objektif Umum**

Secara umumnya, kertas konsep ini meneroka dan memahami pembentukan karakter murid melalui penggunaan Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan Empat dalam proses PdPc di sebuah sekolah menengah di zon Ampang daerah Hulu Langat Selangor.

Objektif Khusus

Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti di berikut:

- i. Meneliti peranan BTPMT4 dalam meningkatkan pemahaman murid terhadap nilai-nilai moral ke arah pembentukan karakter unggul.

Persoalan

- i. Apakah peranan BTPMT4 dalam meningkatkan pemahaman murid terhadap nilai-nilai moral ke arah pembentukan karakter unggul?


Kerangka Konsep Kajian

Penggunaan BPTMT4 dalam proses PdPc memainkan peranan penting sebagai panduan utama dalam menyampaikan nilai-nilai moral kepada murid. Buku teks ini berfungsi sebagai bahan bantu mengajar bagi guru untuk merangka soalan ujian, persiapan pengajaran dan pelaksanaan aktiviti PdPc. Anuar (2019), menyatakan bahawa strategi pengajaran berasaskan buku teks ini merangkumi aktiviti yang dapat membimbing murid memahami nilai moral melalui analisis situasi, kemahiran berfikir aras tinggi serta bersikap simpati dan empati yang dapat membentuk karakter murid menjadi lebih beretika dan beradab. Buku teks ini memudahkan guru untuk mengintegrasikan nilai-nilai seperti kejujuran, tanggungjawab dan empati melalui aktiviti perbincangan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Dengan menyediakan senario atau dilema moral, buku teks membantu murid mengembangkan kemampuan membuat keputusan moral yang kompleks berdasarkan pemikiran yang rasional yang menjadi asas kepada perkembangan moral yang matang (Sugarman, 1973).

Selain itu, buku teks juga memainkan peranan dalam pengembangan pemikiran, emosi dan tingkah laku moral murid. Melalui penyampaian konsep-konsep moral seperti dilema dan situasi yang mencabar nilai-nilai peribadi, murid didorong untuk berfikir secara rasional, kreatif dan kritis. Sulaiman (2020), menyatakan bahawa proses ini meningkatkan kepekaan emosi serta menggalakkan tingkah laku positif melalui penghayatan nilai moral dalam konteks kehidupan sebenar. Menurut kajian, penyampaian dilema moral dalam konteks pembelajaran boleh memupuk sikap terbuka dan penghargaan terhadap perspektif yang berbeza, serta membantu murid membangunkan rasa tanggungjawab. Rahman (2014), menunjukkan bahawa murid yang terdedah kepada situasi moral dalam buku teks lebih cenderung mengembangkan kemampuan untuk berfikir kritis dan mengaplikasikan nilai moral secara berkesan dalam konteks sebenar. Ini menyokong pembentukan tingkah laku positif kerana murid dibimbing untuk memahami dan menghayati nilai melalui pengamalan dalam kehidupan, iaitu konsep moral yang abstrak diterjemahkan menjadi tindakan harian yang bermakna (Ibrahim, 2011).

Dalam pada itu juga, elemen visual dan aktiviti dalam buku teks seperti ilustrasi dan soalan berbentuk situasi berfungsi sebagai bahan yang bermakna dalam merangsang minat serta membantu murid memahami nilai-nilai moral yang penting dalam pembentukan karakter mereka. Lim (2020), menyatakan bahawa penggunaan font, warna dan grafik yang menarik juga menyumbang kepada daya tarikan buku teks menjadikannya lebih interaktif dan mudah difahami oleh murid. Disamping itu, aktiviti dan latihan dalam buku teks juga dirancang untuk memperkuuhkan tingkah laku moral melalui pengulangan dan amalan. Aktiviti seperti perbincangan nilai, lakonan, main peranan dan latihan mendorong murid untuk memahami nilai-nilai yang dipelajari. Contohnya, latihan dalam buku teks memberi peluang untuk murid membuat pertimbangan tentang tindakan moral dalam kehidupan harian yang membantu dalam pembentukan tingkah laku beretika dan berakhhlak mulia. Piaget (1963), yang menekankan pentingnya penghayatan praktikal dalam pembentukan tingkah laku moral. Piaget percaya bahawa kanak-kanak melalui tahap-tahap perkembangan moral di mana mereka belajar menilai tindakan berdasarkan prinsip keadilan, tanggungjawab, dan kesejahteraan sosial. Oleh itu, latihan berbentuk dilema moral dalam buku teks memberi peluang kepada murid untuk meneroka pelbagai perspektif, berbincang secara kolaboratif dan membina asas moral yang lebih matang.

Konklusinya, BTPMT4 bukan sahaja melengkapkan murid dengan pengetahuan moral tetapi juga bertindak sebagai bahan untuk mengasah kemampuan murid dalam pemikiran kritis, pengurusan emosi dan pembentukan tingkah laku moral. Elemen-elemen visual, aktiviti interaktif dan struktur soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi menyumbang kepada pencapaian matlamat PdPc yang lebih holistik, membantu melahirkan murid yang unggul dan berakhhlak mulia selaras dengan objektif kurikulum Pendidikan Moral. Rajah 1 merupakan kerangka konsep untuk menjelaskan gambaran pembentukan karakter murid melalui penggunaan BTPMT4 dalam proses PdPc.



Rajah 1: Kerangka Konsep Pembentukan Karakter Murid Melalui Penggunaan Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan Empat Dalam Proses PdPc

Perbincangan

BTPMT4 merujuk kepada Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4 yang memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan pemahaman murid terhadap nilai-nilai moral seterusnya membentuk karakter murid yang unggul dan insan berakhlak mulia. Melalui kandungan di dalam BTPMT4, murid diperkenalkan dengan konsep moral yang relevan dengan kehidupan harian yang dapat membantu mereka mengenali dan memahami nilai-nilai murni dengan lebih mendalam. Penggunaan aktiviti dan contoh-contoh situasi dalam BTPMT4 juga bertujuan memupuk pemikiran kritis dan kesedaran dalam diri murid yang seterusnya menyumbang kepada pembentukan karakter unggul iaitu murid yang beretika dan berakhlak mulia

Pengajaran Berasaskan Buku Teks Untuk Pembentukan Karakter

Strategi pengajaran yang dapat digunakan oleh guru untuk membina karakter murid melalui aktiviti berasaskan buku teks menekankan pendekatan secara holistik. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan untuk mengembangkan pengetahuan akademik murid, tetapi juga aspek emosi dan sosial. Salah satu strategi yang berkesan adalah PdPc berasaskan nilai, iaitu guru mengaitkan kandungan buku teks dengan nilai-nilai moral seperti empati, tanggungjawab dan kejujuran. Melalui strategi ini, guru boleh menggunakan bahan teks yang memaparkan situasi atau dilema moral yang mendorong murid untuk merenung dan membincangkan implikasi etika serta memahami tentang keputusan yang diambil mencerminkan sifat perwatakan yang baik. Noddings (2013), pengajaran yang menekankan penghayatan nilai-nilai ini dapat membantu murid memahami kepentingan tindakan mereka dalam konteks moral dan sosial. Pemilihan bahan bacaan berdasarkan minat, tema dan watak menunjukkan potensi buku teks

dalam membentuk karakter murid. Buku teks yang mengandungi cerita menarik, nilai moral yang jelas dan ilustrasi relevan dapat memupuk pemikiran kritis serta membina nilai positif. Peranan guru juga penting dalam membantu murid memahami kandungan buku teks serta mengaitkan pembelajaran dengan kehidupan sebenar. Kajian menunjukkan bahawa elemen seperti tema, watak dan gaya penulisan dapat menarik minat murid seterusnya menyokong pembangunan karakter mereka (Al-Shorman & Bataineh, 2004).

Tambahan pula, Lickona (2011), menunjukkan bahawa pembelajaran berdasarkan nilai boleh membina karakter yang lebih unggul dalam kalangan murid kerana mereka dilatih untuk menilai keputusan bukan hanya dari sudut akademik tetapi juga etika dan nilai. Dalam pendekatan ini juga, guru mengajak murid untuk menilai tindakan watak atau situasi yang disampaikan dalam buku teks, dan membuat refleksi kendiri tentang tindakan yang akan diambil sekiranya mereka berada dalam situasi yang serupa. Lim (2020), menyatakan bahawa melalui soalan-soalan terbuka seperti “Bagaimana kamu akan menangani situasi ini?” atau “Apakah nilai yang boleh dipelajari daripada cerita ini?”, murid diajak untuk berfikir secara mendalam tentang perwatakan yang baik dan buruk.

Selain itu, PdPc berdasarkan projek merupakan satu strategi pengajaran yang efektif dalam membantu murid mengaplikasikan nilai-nilai murni seperti tanggungjawab, kerjasama, dan disiplin diri melalui pelaksanaan tugas yang berstruktur. Dalam konteks ini, guru boleh menggunakan buku teks sebagai panduan untuk menetapkan projek yang memerlukan murid menyelesaikan masalah sebenar dalam masyarakat. Kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berdasarkan projek meningkatkan keupayaan murid dalam menghubungkan teori dengan amalan dan membantu mereka memahami implikasi sosial tugas mereka (Kokotsaki et al., 2016). Sebagai contoh, guru boleh memberi tugas yang memerlukan murid untuk menyelesaikan isu masyarakat seperti pencemaran iaitu mereka perlu menghasilkan laporan atau persembahan yang menunjukkan bagaimana mereka boleh menyumbang secara positif kepada komuniti mereka (Bell, 2010). Ini tidak hanya membina pemikiran kritis murid tetapi juga menggalakkan mereka untuk lebih bertanggungjawab terhadap peranan mereka dalam masyarakat (Thomas, 2020).

Di samping itu, PdPc berdasarkan perbincangan didapati sangat berkesan dalam pengajaran terutamanya apabila murid diberi peluang untuk berbincang mengenai kandungan buku teks dalam kumpulan dan berkongsi pandangan mereka. Melalui aktiviti ini, guru berperanan sebagai fasilitator dan memimpin murid membuat penilaian kendiri dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap peraturan dan undang-undang. Hal ini dapat membantu murid menanamkan kepatuhan terhadap norma masyarakat dan peraturan negara. Sulaiman (2020), Lim (2020), menyatakan bahawa kajian menunjukkan bahawa melalui perbincangan aktif, murid bukan sahaja memahami prinsip-prinsip moral yang dipelajari tetapi juga lebih cenderung mengamalkannya dalam kehidupan harian mereka. Anuar (2019), juga menyatakan bahawa pendekatan ini menekankan aspek interaksi sosial yang memupuk kemahiran berfikir kritikal serta kerjasama dalam kalangan murid.

Dalam masa yang sama, murid juga dapat mengembangkan kemahiran sosial seperti empati, kerjasama dan penghargaan terhadap perspektif yang berbeza, sekaligus memperkuat pemahaman mereka terhadap norma masyarakat dan peraturan negara apabila melaksanakan perbincangan dalam kumpulan (Mohamed & Sulaiman, 2017). Hal ini secara

tidak langsung menyokong usaha untuk menjadikan murid bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga sebagai individu yang patuh kepada undang-undang serta berakhhlak mulia dalam kehidupan harian mereka (Ibrahim, 2021). Aktiviti perbincangan ini dapat menggalakkan penerapan nilai moral ke dalam kehidupan murid, iaitu mereka lebih terdorong untuk mengamalkan prinsip-prinsip moral yang dipelajari (Yusof & Aminah, 2020).

Buku Teks Sebagai Pengembangan Pemikiran, Emosi dan Tingkah Laku Moral Murid

Buku teks sebagai bahan pengembangan pemikiran, emosi dan tingkah laku moral murid memberikan panduan penting dalam membentuk karakter murid yang unggul. Kandungan buku teks biasanya dirancang untuk merangkumi prinsip moral seperti autonomi, altruistik dan keadilan yang membantu murid memahami nilai-nilai moral secara lebih mendalam. Sebagai contoh, Sulaiman (2020), menyatakan bahawa menunjukkan bahawa buku teks moral yang menampilkan situasi kehidupan sebenar dan dilema moral mendorong murid untuk terlibat dalam penaakulan, emosi dan tingkah laku moral. Melalui aktiviti seperti perbincangan kumpulan dan refleksi kendiri, murid didorong untuk mengaitkan pemahaman mereka dengan tindakan moral yang betul dalam kehidupan harian mereka, seterusnya membentuk tingkah laku yang konsisten dengan prinsip moral yang dipelajari.

Selain itu, buku teks juga berfungsi sebagai medium untuk memupuk perkembangan emosi yang seimbang dalam kalangan murid. Lim (2020), menyatakan bahawa elemen cerita atau naratif yang terdapat dalam buku teks moral dapat membantu murid mengembangkan rasa simpati dan empati melalui penceritaan tentang pengalaman orang lain yang menghadapi cabaran. Murid yang didedahkan kepada situasi ini cenderung untuk memahami kesan emosi dan kemudiannya mempengaruhi mereka untuk memilih tindakan yang lebih beretika dan bermoral dalam kehidupan harian mereka.

Sehubungan itu juga, tingkah laku moral pula dipupuk melalui aktiviti yang terdapat dalam buku teks, seperti simulasi situasi moral dan tugas berdasarkan kes yang memerlukan murid membuat keputusan yang bermoral. Anuar (2019), menyatakan bahawa pendekatan ini bukan sahaja melatih murid untuk mengamalkan nilai-nilai moral tetapi juga membina disiplin diri yang berterusan dalam melaksanakan tingkah laku yang bertanggungjawab dan beretika. Oleh itu, buku teks menjadi bahan penting dalam membentuk karakter unggul, yang bukan sahaja cerdas dari segi penaakulan, emosi dan tingkah laku tetapi juga berintegriti dan berakhhlak mulia.

Pengaruh Visual dan Aktiviti Buku Teks Dalam Pembentukan Karakter Murid

Pengaruh visual, aktiviti, dan latihan dalam buku teks memainkan peranan penting dalam pembentukan karakter murid. Visual seperti gambar, ilustrasi dan grafik membantu memudahkan pemahaman konsep-konsep moral, memperkayakan daya imaginasi murid dan membentuk persepsi positif terhadap nilai-nilai moral yang ditonjolkan. Penggunaan elemen visual, aktiviti, dan latihan dalam buku teks bukan sahaja membantu dalam aspek pembelajaran kognitif, tetapi juga berkesan dalam membentuk karakter murid secara holistik. Visual dalam buku teks memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej moral dan nilai-nilai penting secara tidak langsung. Gambar, ilustrasi, dan grafik yang menarik membantu murid memahami konteks moral yang sukar dengan lebih mudah, serta menanamkan nilai empati dan keadilan (Nordin & Zakaria, 2018). Contohnya, gambar situasi

di dalam BTPMT4 membantu murid menilai perbezaan antara tingkah laku yang betul dan salah.

Selain itu, aktiviti berbentuk kolaboratif, kooperatif dan simulasi dapat memberi peluang kepada murid untuk mengaplikasikan pengetahuan moral dalam kehidupan sebenar. Melalui aktiviti seperti perbincangan kumpulan dan permainan peranan, murid bukan sahaja belajar konsep moral tetapi juga mengembangkan kemahiran sosial seperti kerjasama, komunikasi, dan rasa hormat terhadap pandangan orang lain (Rahman & Ismail, 2021). Aktiviti ini sangat penting dalam memupuk nilai tanggungjawab sosial dan interaksi yang positif dalam kalangan murid. Sehubungan itu juga, latihan dalam buku teks pula menyumbang kepada pembentukan karakter murid melalui penerapan disiplin. Latihan yang terdapat dalam buku teks memastikan murid belajar untuk konsisten, teliti dan bertanggungjawab dalam menyelesaikan tugas. Lim (2020), menyatakan bahawa hal ini membantu membentuk sifat gigih dan berdikari dalam kalangan murid iaitu mereka dilatih untuk menyelesaikan masalah dengan sendirinya dan bertanggungjawab terhadap hasil kerja mereka. Sulaiman (2020), menyatakan bahawa penggabungan elemen-elemen ini dalam buku teks bukan sahaja menyokong penguasaan akademik tetapi juga membentuk karakter murid yang berakhlaq dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian.

Implikasi Terhadap Pendidikan

Penggunaan BTPMT4 dalam PdPc membawa implikasi yang mendalam dalam pembentukan karakter iaitu memberikan murid lebih daripada sekadar pengetahuan asas tentang nilai moral. Buku teks ini bukan sahaja menyampaikan prinsip etika tetapi juga membina pemikiran kritis murid dalam konteks moral melalui soalan-soalan yang memerlukan refleksi mendalam dan analisis pelbagai sudut pandangan. Rahman (2014), menegaskan bahawa dilema dan situasi yang ditulis dalam buku teks membantu murid berfikir secara kritis dan membuat keputusan yang lebih bijaksana dalam kehidupan seharian mereka dan menyumbang kepada pembentukan karakter yang unggul serta berasaskan nilai-nilai murni.

Sehubungan itu, BTPMT4 ini berupaya menyokong perkembangan murid secara holistik yang sejajar dengan objektif kurikulum Pendidikan Moral. Sulaiman (2020), menyatakan bahawa dengan menekankan perkembangan pemikiran, emosi dan tingkah laku murid secara serentak, buku teks ini membentuk murid yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga berakhlaq mulia dan bertanggungjawab. Pembentukan karakter yang holistik ini penting dalam memastikan bahawa murid mengaplikasikan nilai-nilai moral tersebut dalam kehidupan mereka, menjadikan pembentukan karakter lebih berkesan dan bermakna kepada murid. Penggunaan BTPMT4 dalam PdPc tidak hanya berfokus kepada pembentukan nilai moral tetapi juga menggalakkan murid menjadi suri teladan kepada rakan-rakan mereka. Dengan memahami konsep moral yang dipelajari, murid bukan sahaja mampu memahami dan menghayati nilai-nilai moral, tetapi juga menunjukkan tingkah laku yang positif dan beretika yang boleh diteladani. Melalui perbincangan dilema moral dan senario yang dekat dengan kehidupan murid, murid dilatih untuk membuat keputusan yang bukan sahaja berlandaskan pemikiran kritis tetapi juga mempertimbangkan kepentingan masyarakat dan kesejahteraan bersama (Rahman, 2014). Hal ini menjadikan murid lebih berani dan berkeyakinan dalam menunjukkan tingkah laku yang baik yang boleh diiteladani oleh rakan-rakan.

Selain itu, kecerdasan emosi yang ditingkatkan melalui buku teks ini membantu murid untuk menjadi pendengar yang lebih baik, memahami perasaan dan keadaan rakan-rakan mereka, serta menunjukkan sikap empati dan toleransi. Murid yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi lebih mudah membina hubungan positif dengan rakan-rakan dan mampu mempengaruhi mereka untuk mengamalkan nilai-nilai yang sama (Yusuf & Osman, 2013). Lim (2020), menyatakan bahawa elemen visual dan situasi moral dalam buku teks mendorong murid untuk mencontohi sikap yang baik, kerana mereka dapat melihat dengan jelas bagaimana nilai-nilai ini diaplikasikan dalam situasi nyata. Sikap empati dan keprihatinan ini menjadikan mereka sebagai individu yang dihormati dan dirujuk oleh rakan-rakan mereka, sekaligus menjadikan mereka sebagai contoh teladan dalam masyarakat. Dalam pada itu juga, kepelbagaiannya aktiviti interaktif seperti perbincangan kumpulan, lakonan, main peranan dan perbincangan nilai dalam buku teks memperkuuhkan peranan murid sebagai pemimpin dalam kalangan rakan sebaya. Melalui perbincangan kumpulan, murid belajar berkomunikasi, membuat keputusan secara kolektif dan menghormati pendapat rakan sebaya. Aktiviti lakonan dan main peranan pula memberi peluang untuk memahami peranan orang lain, memupuk empati dan bertindak sebagai pemimpin yang bertanggungjawab. Selain itu, perbincangan nilai membantu murid menganalisis isu moral dengan lebih kritis. Apabila murid terlibat dalam aktiviti yang melibatkan nilai-nilai moral, mereka berpeluang untuk menyuarakan pendapat, mendengar pandangan orang lain dan mempraktikkan sikap saling menghormati dan memimpin dengan cara yang beretika. Ibrahim (2011), menunjukkan bahawa murid yang terlibat dalam aktiviti kolaboratif ini bukan sahaja memperkuat pemahaman mereka tentang nilai moral tetapi juga mengembangkan keupayaan untuk menjadi pengaruh positif kepada rakan-rakan kerana mereka secara tidak langsung belajar untuk menjadi contoh yang baik dalam situasi sosial.

Justeru, penggunaan BTPMT4 dalam PdPc memberi kesan yang signifikan dalam menjadikan murid sebagai suri teladan yang mampu mempengaruhi rakan sebaya ke arah tingkah laku yang positif dan secara tidak langsung memupuk pembentukan karakter yang unggul dalam diri seseorang murid. Dengan menyatukan elemen pemikiran kritis, kecerdasan emosi dan penghayatan nilai moral, murid bukan sahaja membina karakter sendiri tetapi juga menjadi agen perubahan dalam masyarakat. Sehubungan itu, Sulaiman (2020), menyatakan bahawa hal ini selaras dengan objektif Pendidikan Moral untuk melahirkan generasi muda yang berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan menjadi contoh yang baik kepada orang lain.

Cadangan Kajian Lanjutan

Penggunaan BTPMT4 dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan menggambarkan peranan penting dalam sistem pendidikan. Cadangan yang dikemukakan dalam kertas konsep ini bertujuan secara langsung membentuk karakter murid yang unggul melalui pendekatan holistik dalam PdPc Pendidikan Moral. Oleh itu, panduan kepada guru untuk memaksimumkan penggunaan buku teks dalam proses PdPc berperanan penting dalam membentuk pemikiran kritis, emosi moral dan tingkah laku positif murid. Dengan panduan yang berstruktur, guru dapat menggunakan elemen dalam buku teks seperti dilema moral dan aktiviti-aktiviti serta latihan untuk merangsang pemikiran kritis murid. Di samping itu, aktiviti kolaboratif dan simulasi memberikan peluang kepada murid untuk mengembangkan empati dan sikap toleransi melalui interaksi dengan rakan sebaya. Pendekatan ini turut memupuk disiplin dan rasa tanggungjawab dalam kalangan murid, yang merupakan asas penting bagi pembentukan karakter yang rasional, empati dan bertanggungjawab. Selain itu,

cadangan untuk meningkatkan kandungan dan pendekatan visual serta aktiviti dalam buku teks dapat memberi kesan besar terhadap pembentukan karakter murid. Elemen visual yang menarik dan relevan membantu mencetuskan emosi moral seperti belas kasihan dan rasa keadilan, manakala aktiviti interaktif seperti projek komuniti atau kajian kes mengasah kemahiran sosial murid seperti kerjasama, kepimpinan dan komunikasi. Di samping itu, kandungan buku teks yang berkait rapat dengan isu-isu semasa, seperti etika penggunaan media sosial dapat menyediakan murid dengan panduan praktikal untuk menghadapi cabaran moral dalam kehidupan harian. Pendekatan ini menjadikan buku teks bukan sekadar bahan pembelajaran, tetapi juga platform untuk melatih nilai-nilai moral terhadap murid.

Dalam pada itu juga, pembangunan modul pengajaran Pendidikan Moral yang lebih efektif memberikan panduan kepada guru untuk melaksanakan pengajaran yang menyeluruh, melibatkan aspek pemikiran, emosi dan tingkah laku moral murid. Modul yang dicadangkan bukan sahaja memberi strategi pengajaran berdasarkan buku teks, tetapi juga mengintegrasikan teknologi seperti video interaktif atau aplikasi pembelajaran moral untuk meningkatkan keterlibatan murid. Modul ini juga menyediakan alat penilaian karakter yang membantu guru menilai perkembangan moral murid secara holistik. Pendekatan ini memastikan murid tidak hanya cemerlang dalam akademik, tetapi juga berkembang menjadi individu yang bermoral dan berintegriti. Justeru, melalui gabungan panduan untuk guru, peningkatan kandungan buku teks dan modul pengajaran yang inovatif, murid dapat membentuk karakter yang unggul. Mereka akan memiliki integriti, pemikiran kritis, empati dan tanggungjawab sosial yang tinggi, sesuai dengan matlamat Pendidikan Moral untuk melahirkan individu yang berakhhlak mulia dan mempunyai karakter yang unggul.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, BTPMT4 bukan sahaja berfungsi sebagai sumber utama untuk memahami konsep-konsep moral tetapi juga sebagai bahan penting dalam pembentukan karakter murid. Kandungan buku teks ini disusun dengan teliti untuk merangkumi nilai-nilai moral seperti kejujuran, tanggungjawab dan hormat-menghormati yang memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian murid. Melalui penggunaan buku teks ini, murid tidak hanya mempelajari teori moral sahaja tetapi juga diberikan peluang untuk mengaplikasikan konsep-konsep tersebut dalam situasi sebenar sama ada melalui aktiviti individu maupun secara berkolaboratif. Tambahan pula, buku teks ini menyediakan pelbagai aktiviti dan latihan yang merangsang pemikiran kritis serta menggalakkan perbincangan dalam kalangan murid. Hal ini secara tidak langsung membantu murid untuk berfikir secara lebih mendalam tentang tindakan mereka dan implikasi moral terhadap keputusan yang dibuat. Guru pula dapat menggunakan buku teks ini sebagai panduan untuk merancang pengajaran yang lebih berkesan, dengan menekankan aspek moral yang relevan dan melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran.

Di samping itu, struktur buku teks yang sistematik, termasuk penggunaan visual, gambar rajah dan ilustrasi yang menarik, menjadikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan lebih bermakna dan difahami oleh murid. Hal ini bukan sahaja memudahkan pengajaran guru tetapi juga membantu murid memahami teori dan dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan harian mereka. Oleh itu, buku teks ini bukan sekadar bahan pembelajaran dan pemudahcaraan, tetapi juga medium penting untuk membentuk

murid yang bermoral tinggi dan bertanggungjawab dalam masyarakat seterusnya melahirkan murid yang berkarakter dan berakhhlak mulia.

Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diberi perhatian untuk memahami dapatan yang diperoleh. Pertama, kajian ini hanya memfokuskan kepada penggunaan buku teks Pendidikan Moral Tingkatan Empat, yang mungkin tidak mencerminkan pengalaman dan persepsi dalam penggunaan buku teks pada tahap lain seperti tingkatan menengah rendah atau dalam mata pelajaran yang lain. Hal ini bermakna dapatan kajian ini hanya relevan dalam konteks tertentu dan sukar untuk digeneralisasikan kepada kurikulum atau tahap pembelajaran lain, sedangkan pembentukan karakter murid adalah proses yang berterusan merentasi semua tahap pendidikan.

Selain itu, pengumpulan data yang terhad kepada tinjauan atau temu bual daripada sebilangan kecil guru dan murid juga mengehadkan kebolehpercayaan hasil kajian. Saiz sampel yang kecil atau tidak mewakili keseluruhan populasi boleh menyebabkan dapatan kajian berat sebelah dan tidak menggambarkan kepelbagai pandangan atau pengalaman pengguna buku teks. Hal ini penting kerana konteks sekolah, budaya dan latar belakang murid boleh mempengaruhi cara buku teks digunakan dan diterima dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan.

Sekiranya kajian ini hanya menggunakan pendekatan kualitatif atau kuantitatif sahaja, hasilnya mungkin kurang menyeluruh. Pendekatan kualitatif memberikan kefahaman yang mendalam tentang pengalaman dan persepsi guru serta murid, tetapi mungkin tidak cukup untuk memberikan gambaran yang meluas tentang penggunaan buku teks dalam PdPc. Sebaliknya, pendekatan kuantitatif menawarkan data yang lebih objektif dan boleh diukur, tetapi mungkin gagal menginterpretasikan makna yang lebih mendalam. Oleh itu, penggunaan pendekatan campuran yang menggabungkan kekuatan kedua-dua kaedah ini adalah penting untuk mendapatkan dapatan yang lebih holistik dan bermakna. Walau bagaimanapun, keterbatasan ini menunjukkan keperluan untuk pengkaji lebih peka dalam membuat kesimpulan dan cadangan berdasarkan dapatan kajian.

Rujukan

- Ahmad, M. (2018). The role of discussions in moral education: Enhancing students' understanding through textbook content. *Journal of Educational Methods*, 34(2), 45-56.
- Ahmad, M., & Sulaiman, R. (2020). Moral education and the use of textbooks: A reflection on teaching practices. *Asian Journal of Moral Education*.
- Ahmad, M., & Sulaiman, S. (2020). Penggunaan Buku Teks dalam Proses Pembelajaran Moral. *Jurnal Pendidikan Moral*, 12(2), 45-57.
- Ahmad, N., & Sulaiman, H. (2020). The role of textbooks in shaping student behavior and moral values in the classroom. *Journal of Educational Research*, 18(3), 45-56.
- Ahmad, N., & Sulaiman, M. (2020). Menekankan penggunaan buku teks sebagai alat pengajaran yang efektif dalam membina nilai moral melalui refleksi dan perbincangan kendiri. *Journal of Moral Education Studies*, 15(2), 67-83.
- Al-Beckay, E., & Veerraghava Reddy, S. (2015). Developing English reading skills among the young Arab (Libyan) learners. *International Journal of Education and Training*, 1(1), 1-8.

- Al-Shorman, R. A., & Bataineh, R. F. (2004). An exploratory study of Jordanian EFL students' perceptions of their use of the internet. *Teaching English with Technology*, 4(4), 1–13.
- Azhar Md. Sabil. (2021). Penggunaan buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam kalangan guru Bahasa Melayu menengah rendah: Kajian rintis.
- Bell, S. (2010). Project-Based Learning for the 21st Century: Skills for the Future. *The Clearing House*, 83(2), 39-43.
- Hassan, A., & Zainuddin, N. (2018). Buku Teks Sebagai Alat Pembentukan Karakter Moral dalam Kalangan Murid. *International Journal of Moral Education*, 7(1), 88-99.
- Ibrahim, A. (2021). Character development through discussion-based learning in moral education. *Journal of Character Education*, 12(3), 102-118.
- Ibrahim, R. (2011). Peranan buku teks dalam pembentukan karakter murid: Kajian mengenai pendekatan kolaboratif dalam PdPc. *Malaysian Journal of Educational Research*, 12(3), 45-60.
- Kokotsaki, D., Menzies, V., & Wiggins, A. (2016). Project-based learning: A review of the literature. *Improving Schools*, 19(3), 267-277.
- Lickona, T. (2011). *Character Matters: How to Help Our Children Develop Good Judgment, Integrity, and Other Essential Virtues*. Simon & Schuster.
- Lim, A. (2020). The role of textbooks in shaping students' moral understanding. *Journal of Moral Education*.
- Lim, C. (2020). Textbook Use in Enhancing Moral Education Learning in Secondary Schools. *Educational Review Journal*, 18(3), 120-135.
- Lim, H. (2020). Using textbooks to motivate structured moral education. *Journal of Moral Development*, 27(3), 132-150.
- Lim, P. (2020). Textbook design and its impact on student motivation and character development. *International Journal of Education*, 12(2), 88-101.
- Lim, S. (2020). Reflective learning in moral education: A textbook-based strategy. *Education and Character Development Journal*.
- Lim, W. C. (2020). Pengaruh elemen visual dalam buku teks ke atas minat dan pemahaman murid dalam pendidikan moral. *International Journal of Instructional Media*, 19(1), 102-118.
- Mazlini A, Che Nizam C.A & Laili Farhana M. (2023). Development and usability of STEAM textbook integrated character education with local wisdom themes for primary school students. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 23(5), 1–10.
- Mohamed, R., & Sulaiman, M. (2017). Group discussions in moral education: Fostering social and legal understanding. *Education Journal*, 28(1), 77-89.
- Mustafa, R., & Kamaruddin, S. (2021). Pemupukan Nilai Moral melalui Penggunaan Buku Teks Pendidikan Moral. *Jurnal Kajian Pendidikan Moral*, 10(4), 105-123.
- Noddings, N. (2013). *Caring: A Relational Approach to Ethics and Moral Education*. University of California Press.
- Nordin, M., & Zakaria, F. (2018). Visual aids in textbooks and their influence on student moral development. *Malaysian Journal of Moral Education*, 15(1), 65-78.
- Piaget, J. (1963). *The Moral Judgment of the Child*. Routledge & Kegan Paul.
- Rahim, H., & Anuar, M. (2019). Penggunaan Pendekatan Tradisional dalam Pengajaran Pendidikan Moral. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 37(1), 60-75.
- Rahim, M., & Anuar, H. (2019). Kaedah pengajaran berstruktur menggunakan buku teks dalam meningkatkan pemahaman dan penerapan nilai moral di kalangan pelajar. *Asian Journal of Moral Development*, 21(4), 144-159.

- Rahim, M., & Anuar, Z. (2019). Integrating moral concepts in the classroom: Challenges and opportunities. *International Journal of Moral Development*.
- Rahim, N., & Anuar, H. (2019). Collaborative learning in moral education: A strategy for student engagement. *International Journal of Educational Studies*, 19(4), 60-75.
- Rahman, M., & Ismail, S. (2021). Collaborative activities in textbooks and their role in character building. *Asian Journal of Educational Studies*, 9(4), 22-36.
- Rahman, N. A. (2014). Penggunaan latihan refleksi dalam pendidikan moral untuk membangunkan kesedaran moral dalam kalangan murid. *Journal of Social and Behavioral Sciences*, 23(2), 233-247.
- Sugarman, B. (1973). The school and moral development. In *Handbook of Moral and Character Education*. Columbia University Press.
- Thomas, J. W. (2020). *A Review of Research on Project-Based Learning*.
- Yusof, N., & Aminah, R. (2020). The role of textbooks in encouraging moral practice through reflective discussion. *Journal of Moral and Civic Education*, 15(2), 150-167.
- Yusuf, S., & Osman, M. (2013). The effectiveness of situational exercises and visualization in enhancing moral understanding among students. *Journal of Moral and Character Education*, 18(3), 75-90.